

**PANDUAN OPERASI PELAKSANAAN PILOT SISTEM uCUSTOMS RELEASE 3.1
DI PELABUHAN BARAT, SELANGOR (B18)
(UNTUK PELANGGAN LUAR JABATAN)**

1. PENDAHULUAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sedang melaksanakan Sesi Pilot Release 3.1 bagi pelaksanaan penggunaan sistem bersepadu uCustoms untuk pengiklanan dagangan di Pelabuhan Westport bermula 19 Disember 2018 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Pelaksanaan ini melibatkan :-

- i. 55 syarikat Ejen Penghantaran (*Forwarding Agent*)
- ii. syarikat Ejen Perkapalan (*Shipping Agent*)
- iii. syarikat Pengangkutan Dagangan (*Freight Forwarder*)
- iv. Pengimport/Pengeksport (*Trader*)
- v. Operator Pelabuhan (*Port Operator*)
- vi. Ejen Pengangkutan (*Carrier Agent*) dan,
- vii. agensi-agensi kerajaan yang terpilih.(PIA/OGA)

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memberi panduan kepada pihak pelanggan luar jabatan tentang langkah-langkah yang perlu diambil dan diikuti sepanjang sesi *Pilot Release 3.1*.
- 2.2 Menerangkan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat sepanjang sesi *Pilot Release 3.1*.
- 2.3 Menerangkan tindakan plan kontigensi(*Fallback*) sekiranya pada bila-bila masa pelaksanaan *Pilot Release 3.1* sistem uCustoms ini menghadapi masalah.

3. SKOP

Bagi tujuan tempoh sesi Pilot Release 3.1 ini, sistem uCustoms telah boleh menerima pengikraran dagangan berdasarkan kriteria dagangan dan senario seperti berikut:

3.1 Jenis Senario Dagangan

a) Terdapat 14 jenis senario dagangan yang boleh dilakukan menerusi sistem uCustoms. Jenis senario ini meliputi dagangan yang melibatkan permohonan permit, pengecualian dan duti yang perlu dimohon kepada pihak JKDM dan agensi-agensi yang terlibat dalam pelepasan dagangan di Pelabuhan Westport.

Scenario	Remarks
1. Import – with Permit, No Exemption	
2. Import – with Permit, With Exemption	
3. Import – No Permit, No Exemption, Non-Dutiable	
4. Import – No Permit, With Exemption, Non-Dutiable	
5. Import – No Permit, No Exemption, Dutiable	(with payment)
6. Import – No Permit, with Exemption, Dutiable	(with payment)
7. Import – No Permit, with Exemption, Dutiable and Surety for License Generic	(with payment)
8. Export – with Permit, No Exemption	(not applicable for Heritage due to seller ID)
9. Export – with Permit, with Exemption	(not applicable for Heritage due to seller ID)
10. Export – no Permit, No Exemption, non-dutiable	
11. Export – no Permit, with Exemption, non-dutiable	

12. Export – no Permit, No Exemption, Dutiable	(with payment)
13. Export – no Permit, with Exemption, Dutiable	(with payment)
14. Import – with Permit, No Exemption	

3.2 Scenario Boundaries untuk Transaksi yang boleh dilakukan didalam sistem uCustoms untuk Sesi Pilot Release 3.1.

a) *Scenario Boundaries* ini adalah had bagi jenis dan bentuk transaksi dagangan yang boleh dibuat pengikraran di dalam uCustoms untuk sesi pilot Release 3.1 di Pelabuhan Westport bermula daripada 19 Disember 2018 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

SCENARIOS BOUNDARIES	
Cargo	Import Journey Export Journey Manifest (Import) Manifest (Export)
Type of Cargo	FCL only
Types of Declaration	Normal Import Normal Export
Types of Exemptions	General Exemptions only
Permit Issuance Agencies*	DEPARTMENT OF ENVIRONMENT – AIR DIVISION DEPARTMENT OF NATIONAL SOLID WASTE MANAGEMENT DEPARTMENT OF NATIONAL HERITAGE PENINSULAR DEPARTMENT OF AGRICULTURE MALAYSIA – PESTICIDE CONTROL DIVISION CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD

SCENARIOS BOUNDARIES	
Other Government Agencies*	FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION OF THE MINISTRY OF HEALTH MINISTRY OF HOME AFFAIRS – PUBLICATIONS AND QURANIC TEXT CONTROL DIVISION
Types of Duty (Import)	Import Duty, Safeguard and Sales Tax Import Duty, Anti-Dumping and Sales Tax Import Duty, and Sales Tax Import Duty Only
Types of Duty (Export)	Export Duty only
Types of License	License Generic (Customs Agents) 1. Shipping Agent 2. Forwarding Agent
Types of Surety	General Bond Bank Guarantee

3.3 Permohonan dan kelulusan Permit bagi Pengikraran Dagangan

a) Sistem uCustoms boleh menerima permohonan permit secara online menerusi sistem dan juga mempunyai fasiliti muat naik dokumen permit yang telah diluluskan daripada Agensi Pengeluar Permit (*Permit Issuance Agencies*) dan Pihak Agensi Kerajaan (*Other Government Agencies*). Untuk permohonan dan kelulusan permit bagi agensi yang tidak disenaraikan di atas, permohonan permit boleh dilakukan secara manual di agensi-agensi berkenaan dan permit yang telah diluluskan boleh dimuat naik secara online ke dalam sistem uCustoms semasa pengikraran dilakukan.

4. MAKLUMAT JOURNEY DAN MANIFEST uCustoms

- 4.1 Bagi membuat pengikraran melalui uCustoms, pihak *Forwarding Agent* perlu mendapatkan maklumat *journey* dan *manifest* uCustoms melalui kaedah SP4 iaitu dengan melayari url <https://ucustomssp4.customs.gov.my/>.
- 4.2 SP4 akan memaparkan maklumat *journey* dan *manifest* dengan tarikh *Estimate Date of Arrival (EDA)* 2 hari daripada tarikh semasa (tarikh semakan di SP4).
- 4.3 Pengguna boleh menyemak maklumat *journey* dan *manifest* uCustoms dengan memasukkan maklumat BL atau Ship Call Number (SMK) atau Shipping Agent Code (SMK). Panduan bagi penggunaan SP4 adalah seperti di **Lampiran 1**.

5. PEMBAYARAN DUTI/CUKAI

Pembayaran duti/cukai **HANYA** boleh dibuat secara **ATAS TALIAN** (*Online*) sahaja menggunakan perkhidmatan berikut:

- 5.1 JomPAY – Senarai bank seperti di *website*
<http://www.jompay.com.my/making-a-payment.html#banks>
- 5.2 FPX –
 - 5.2.1.1 *Business to Consumer (B2C)* – Senarai bank seperti di *website*
<http://www.myclear.org.my/index.html>
 - 5.2.1.2 *Business to Business (B2B)* – Senarai bank seperti di *website*
<http://www.myclear.org.my/index.html>

6. PROSEDUR FALLBACK

- 6.1 Bagi pengikraran dagangan yang tidak menepati kriteria dan scenario seperti disenaraikan diatas, pihak syarikat Tuan/Puan hendaklah membuat pengikraran seperti biasa menerusi SMK.

6.2 Bagi pengikraran yang telah didaftarkan dalam sistem uCustoms dan mengalami masalah, pengikraran tersebut hendaklah dibatalkan sekiranya beralih ke SMK.

6.3 Pihak JKDM akan membantu pihak syarikat Tuan/Puan dalam fasilitasi proses pengikraran sepanjang tempoh ini dijalankan. Sekiranya pihak Tuan/Puan mempunyai kemusykilan berkenaan perkara ini, pihak Tuan / Puan boleh berhubung dengan pegawai JKDM seperti dibawah :

- a) Tuan Mohd Rusydi Bin Abd Razak
No Tel : 018-7775446
Emel : rusydi.abdrzak@customs.gov.my
- b) Tuan Majdi Bin Ramli
No Tel : 017-2382094
Emel : majdi.ramli@customs.gov.my
- c) Puan Zaharah Binti Che Wil
No Tel: 011-31939066
Emel : zaharah.chewil@customs.gov.my

7. TERMINOLOGI

BIL	TERMINOLOGI	SINGKATAN	DEFINISI
7.1	<i>Forwarding Agent</i>	FA	Ejen Penghantaran
7.2	<i>Shipping Agent</i>	SA	Ejen Perkapalan
7.3	<i>Freight Forwarder</i>	FF	Syarikat Pengangkutan Dagangan
7.4	<i>Trader</i>	-	Pengimport / Pengeksport
7.5	<i>Port Operator</i>	-	Operator Pelabuhan
7.7	<i>Transporter (Carrier Agent)</i>	-	Kenderaan Pengangkut atau Lori
7.8	<i>Delivery Order</i>	DO	Pesanan Penghantaran
7.9	<i>No Objection Certificate</i>	NOC	Sijil Tiada Bantahan
7.10	<i>House Bill of Lading</i>	HBL	Pecahan Bil Muatan
7.11	<i>Bill of Lading</i>	BL	Bil Muatan
7.12	<i>Actual Time Arrival</i>	ATA	Waktu sebenar ketibaan kapal
7.13	<i>Customs and Border Regulatory Agency</i>	CBRA	Pasukan agensi-agensi yang terlibat dengan aktiviti kawalan

			sempadan import/eksport
7.14	<i>Customs Examination Area</i>	CEA	Tempat pemeriksaan dagangan yang ditetapkan oleh Kastam
7.15	<i>Special Inter Agency Task Force</i>	SIAT	Pasukan pemeriksa yang terdiri daripada pegawai daripada pelbagai agensi
7.16	<i>Department of Environment</i>	DOE	Jabatan Alam Sekitar
7.17	<i>Construction Industry Development Board</i>	CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Negara

8. FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB

MODUL	TANGGUNG-JAWAB	TINDAKAN	CATATAN
SHIP CLEARANCE	<i>Shipping Agent</i>	<p>a. Mendaftar/mengemaskini maklumat kapal luar negara (<i>foreign vessel</i>).</p> <p>b. Mendaftar/mengemaskini maklumat kapal tempatan (<i>local vessel</i>) dalam sistem JLM.</p>	Kemaskini maklumat kapal sedia ada dalam tempoh 7 hari bekerja.
	Jabatan Laut Malaysia (<i>Sea Mode</i>)	<p>a. Melulus/menolak pendaftaran kapal luar negara (<i>foreign vessel</i>).</p> <p>b. Melulus/menolak permohonan pembetulan kapal luar negara (<i>foreign vessel</i>) yang telah didaftarkan.</p> <p>c. Mengaktifkan/menyah aktif kapal luar negara yang telah didaftarkan.</p>	<p>a. Meluluskan maklumat kapal sedia ada dalam tempoh 7 hari bekerja.</p> <p>b. Kelulusan pendaftaran kapal baru adalah mengikut prosedur kerja JLM.</p>
CARGO	<i>Shipping Agent</i>	<p>a. Membuat dan menghantar <i>Import/Export Journey</i>.</p> <p>b. Membuat maklumat <i>Containers</i> dan <i>Vehicles</i>.</p> <p>c. Membuat dan menghantar maklumat <i>Import/Export Manifest</i>.</p>	<p>Manifes boleh dihantar menerusi fail XML; atau</p> <p>a. Memuatnaik fail XML; atau</p> <p>b. Memasukkan maklumat ke dalam sistem uCustoms.</p>

		<p>d. Membuat maklumat <i>Bill of Lading/Bill of Lading Lines</i>.</p> <p>e. <i>Assign slot chartered agent</i> kepada SA.</p> <p>f. Menghantar <i>DO</i> kepada <i>Trader/FA</i>.</p> <p>g. Menghantar manifes tambahan.</p> <p>h. Membuat <i>Shipment Order Information</i>.</p>	
	<i>Freight Forwarder</i>	<p>a. Membuat dan menghantar <i>BL/HBL</i>.</p> <p>b. Menghantar <i>DO</i> kepada <i>Trader/FA</i>.</p> <p>c. Menghantar manifes tambahan.</p> <p>d. Isu <i>NOC</i> kepada <i>FF</i>.</p> <p>e. Membuat pecahan <i>BL/HBL</i>.</p>	<p>a. <i>FF</i> memaklumkan kepada SA untuk pindaan maklumat konsaini dalam manifes.</p>
	<i>Port Operator</i>	<p>a. Memasukkan maklumat <i>Actual Time Arrival (ATA)</i>.</p> <p>b. Respon kepada pemeriksaan dan melepaskan kontena bagi tujuan pemeriksaan.</p> <p>c. Menghantar kontena ke <i>CEA</i> untuk tujuan pemeriksaan.</p> <p>d. Mengambil semula</p>	

		<p>kontena untuk disimpan di <i>container yard</i> selepas pemeriksaan dibuat.</p> <p>e. Sekiranya dagangan ditahan oleh Bahagian Penguatkuasaan, pihak <i>port</i> akan <i>update</i> dalam sistem mereka bahawa dagangan ditahan oleh JKDM.</p> <p>f. Kontena boleh dilepaskan selepas mendapat status '<i>Released</i>' dari pihak Kastam.</p> <p>g. Pihak <i>port</i> akan mendapat maklumat <i>Actual Time Entry and Exit</i> berdasarkan maklumat dalam <i>Vehicles Entry Pass</i>.</p> <p>h. Sekiranya dagangan ditahan oleh JKDM/CBRA, <i>port operator</i> akan mendapat mesej tahanan kontena (<i>cargo blocking</i>) melalui sistem uCustoms.</p> <p>i. Pihak <i>port</i> boleh mengambil semula kontena selepas pemeriksaan apabila</p>	
--	--	---	--

		<p>status pengikraran bertukar kepada 'Cleared' atau pemakluman secara manual oleh pegawai CEA.</p> <p>j. Status <i>detained container</i> perlu dimaklumkan oleh OGA/JKDM kepada <i>port</i>.</p> <p>k. <i>Port operator</i> hendaklah memastikan dagangan untuk dieksport telah mendapat kelulusan pihak Kastam (berstatus <i>Released</i>) sebelum dimuat naik ke atas kapal.</p>	
	<p><i>Transporter (licensed/registered carrier)</i></p>	<p>a. Mendaftarkan kenderaan yang digunakan untuk membawa keluar/masuk dagangan Import/Eksport.</p> <p>b. <i>Transporter</i> hendaklah berhubung terus dengan pihak port untuk urusan pemunggaran naik/turun dagangan ke kenderaan.</p>	

PERMIT	<i>Trader/FA</i>	a. Memohon permit/ kelulusan bagi dagangan yang diimport/dieksport melalui sistem uCustoms.	Berdasarkan kepada prosedur CBRA yang berkaitan.
	<i>CBRA</i>	b. Melulus/menolak permohonan yang dikemukakan oleh <i>Trader/FA</i> melalui sistem uCustoms.	
EXEMPTIONS	<i>Trader/FA</i>	a. Membuat permohonan pengecualian bagi dagangan yang diimport/ dieksport.	Permohonan dibuat sebelum proses pengikraran dibuat.
DECLARATION	<i>Trader/FA</i>	<p>a. Membuat pengikraran Import/Eksport.</p> <p>b. Membuat pengikraran nilai (K1A).</p> <p>c. <i>Associate exemptions and permits.</i></p> <p>d. <i>Trader delegate declaration to FA.</i></p> <p>e. Memuatnaik dokumen tambahan sekiranya diperlukan.</p> <p>f. Pengikraran eksport hendaklah dibuat sebelum dagangan dibawa masuk dalam pelabuhan.</p>	Menggunakan kaedah SP4 untuk maklumat journey dan manifest

		<p>g. Jika maklumat berkaitan dengan eksport tidak lengkap, pihak ejen boleh mengikrar sebagai <i>Provisional Export</i> (tanpa maklumat manifes). Pengikraran yang sempurna (<i>Final Export</i>) dengan maklumat manifes yang lengkap hendaklah dibuat dalam masa 7 hari selepas pengeksportan.</p>	
RESOURCE PLANNING	<i>Trader/FA</i>	<p>a. Membuat permohonan temujanji untuk pemeriksaan dagangan.</p>	
INSPECTION	<i>CBRA</i>	<p>a. Memproses permohonan pemeriksaan dagangan melalui sistem uCustoms.</p> <p>b. Membuat pemeriksaan ke atas dagangan.</p> <p>c. Memasukkan maklumat hasil pemeriksaan.</p> <p>d. Berhubung dengan pegawai NCC bagi tujuan verifikasi.</p> <p>e. Membuat penyerahan kepada bahagian penguatkuasaan jika</p>	

		terdapat kes-kes frod hasil dari pemeriksaan yang dibuat.	
	<i>Trader/FA</i>	<p>a. <i>Log in</i> ke uCustoms dan membuat permohonan pemeriksaan melalui modul <i>Appointment</i>.</p> <p>b. Masa pemeriksaan yang dipilih mestilah melebihi 24 jam dari masa permohonan untuk memberi ruang kepada pihak pelabuhan, OGA dan JKDM membuat persediaan.</p> <p>c. Membuat permohonan pada eSSR system port atau manual untuk memindahkan kontena ke CEA.</p> <p>d. Membuat permohonan semula eSSR jika tempoh pemeriksaan melebihi 24 jam kepada tarikh yang lain.</p> <p>e. Mencetak dan menghantar slip temujanji kepada <i>Port Operator</i>.</p>	
	<i>Port Operator</i>	a. Menerima permohonan dari <i>Trader/FA</i> secara	BTM perlu membekalkan

		<p>manual SSR atau melalui elektronik (eSSR system Port) bagi membawa kontena ke CEA untuk tujuan pemeriksaan.</p> <p>b. Menerima notis pemeriksaan dagangan/kontena dari JKDM/CEA melalui email.</p> <p>c. Menerima slip temujanji daripada <i>Trader/FA</i>.</p> <p>d. Pegawai <i>Port Operator</i> menyemak kontena yang perlu diperiksa melalui sistem uCustoms.</p> <p>e. Memindahkan kontena/dagangan yang memerlukan pemeriksaan ke CEA.</p> <p>f. Sekiranya pemeriksaan tidak selesai selepas tempoh 24 jam, kontena/dagangan akan ditarik semula ke <i>yard</i> dan <i>Trader/FA</i> perlu memohon semula SSR kepada pihak pelabuhan</p>	<p>“<i>View Only</i>” access kepada <i>Port Operator</i> dalam modul <i>Appointment</i>.</p>
PAYMENT	<i>Trader/FA</i>	a. Membuat pembayaran duti/cukai secara atas	

		<p>talian (<i>online</i>) melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. FPX <ul style="list-style-type: none"> a.B2B b.B2C ii. JomPAY 	
CLEARANCE AND RELEASE	<p><i>Transporter (licensed/registered carrier)/ Trader/ FA</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Membuat <i>Gate Pass.(VEP)</i> b. Memohon pindaan/pembatalan <i>Gate Pass.</i> c. Mencetak <i>Gate Pass.</i> d. Mengajukan/ menyerahkan <i>Gate Pass</i> kepada pegawai JKDM di <i>gate</i> untuk diimbis ke dalam sistem uCustoms. e. Kenderaan hanya akan memasuki lorong-lorong yang dikhaskan sahaja. 	
	<p><i>Trader/FA</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Log in</i> uCustoms dan membuat cetakan pengikraran borang kastam melalui modul <i>print layout.</i> b. Mengajukan dokumen pengikraran borang kastam kepada pihak <i>port</i> di <i>container yard</i> untuk disahkan kontena yang akan dilepaskan. 	

	<i>Port Operator</i>	<p>a. Menerima dokumen pengikraran borang Kastam melalui uCustoms daripada pihak <i>FA/Trader</i>.</p> <p>b. <i>Port Gate Pass</i> akan dikeluarkan setelah pengesahan nombor kontena yang diluluskan kastam dibuat. Pemakluman pengesahan nombor kontena yang diluluskan oleh pihak Kastam akan dibuat melalui e-mail oleh pihak Kastam. Bagi Northport dan Southport pelepasan kontena dibuat oleh pegawai kastam melalui sistem yang dibekalkan oleh pihak port.</p> <p>c. Memastikan hanya pengikraran yang berstatus <i>cleared</i> dibenarkan keluar.</p>	<p>BTM perlu membekalkan “<i>View Only</i>” access kepada <i>Port Operator</i> dalam modul <i>Clearance and Release</i>.</p>
--	----------------------	---	--

9. PENUTUP

Panduan Operasi ini adalah garis panduan kepada pihak luar yang terlibat tentang langkah-langkah yang perlu diambil dan diikuti dalam pelaksanaan *Pilot Release 3.1* Sistem uCustoms di stesen Pelabuhan Barat (B18) sahaja. Ianya hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat bagi melancarkan proses kerja seperti yang telah digariskan.